



184 JUN 1989

NEGERI TERENGGANU

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF TERENGGANU GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 42  
Bil. 12

8hb Jun 1989

TAMBAHAN No. 5  
PERUNDANGAN

Tr. P.U. 7.

## AKTA PERIKANAN 1985 KAEDAH-KAEDAH PERIKANAN DARAT TERENGGANU 1988

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 38 Akta Perikanan 1985, Pihak Berkuasa Negeri Terengganu dengan ini membuat kaedah-kaedah yang berikut: Akta 317.

1. Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-kaedah Perikanan Darat Terengganu 1988** dan hendaklah dipakai hanya mengenai penangkapan dan perikanan di perairan-perairan sungai tetapi hendaklah dikecualikan akuakultur di perairan-perairan sungai dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh ianya disiarkan dalam *Warta*. Tajuk ringkas, pemakaian dan mula berkuatkuasa.

2. Dalam kaedah-kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain— Tafsiran.

“Akta” ertinya Akta Perikanan 1985;

“akuakultur” mempunyai ertinya yang sama seperti yang diberi kepadanya di bawah seksyen 2 Akta; Akta 317.

“belat ikan” mempunyai erti yang sama seperti yang diberi kepadanya di bawah seksyen 2 Akta;

“menangkap ikan” mempunyai erti yang sama seperti yang diberi kepadanya di bawah seksyen 2 Akta;

“mencandat” ertinya menangkap atau membunuh ikan dengan suatu cangkuk atau cangkuk-cangkuk yang dibentuk dengan keadaan demikian bagi menembusi dan mencangkuk ikan pada mana-mana bahagian badannya selain pada mulut;

“peralatan elektrik” ertinya apa-apa peralatan yang dengannya kuasa elektrik digunakan untuk memengsan, membingung atau membunuh ikan;

“Pegawai Perikanan Darat” mempunyai erti yang sama seperti yang diberi kepadanya di bawah seksyen 2 Akta dan hendaklah bagi maksud kaedah-kaedah ini ialah sebagai Pegawai Pelesenan.

“peralatan menangkap ikan” mempunyai erti yang sama seperti yang diberi kepadanya di bawah seksyen 2 Akta;

“peralatan mekanikal” ertinya apa-apa peralatan yang perlu dijalankan dengan kuasa;

“perairan sungai” mempunyai erti yang sama seperti yang diberi kepadanya di bawah seksyen 2 Akta; dan

“pukat bakul” ertinya sesuatu peralatan menangkap ikan diperbuat daripada apa-apa jua bahan pukat dalam bentuk bag atau pundi pukat yang ditambatkan pada pancang secara kekal atau tidak kekal pada dasar sungai dipasang berlawanan dengan arus bagi maksud menangkap ikan.

Larangan.

3. (1) Tidaklah boleh sesiapa—

- (a) memasang, mengendali atau membenar atau menyebabkan untuk dikendali apa-apa peralatan-peralatan menangkap ikan;
- (b) ada di dalam milikannya atau di dalam sesuatu vesel apa-apa peralatan menangkap ikan atau sebahagian peralatan tersebut;

tanpa lesen yang dikeluarkan di bawah kaedah-kaedah ini oleh Pegawai Perikanan Darat.

(2) Cara-cara menangkap ikan yang berikut adalah dilarang:

- (i) mencandat;
- (ii) apa-apa peralatan menangkap ikan yang disorong atau ditarik oleh sesebuah vesel yang berjinjin dan termasuklah pukat tunda dan menggerak;
- (iii) mengguna racun, bahan letupan dan peralatan-peralatan mekanikal atau elektrik.

(3) Mana-mana orang yang didapati memiliki ikan yang telah ditangkap dengan menggunakan mana-mana bahan letupan atau beracun dan tidak dapat memberi alasan yang memuaskan mengenai bagaimana ia telah memiliki ikan-ikan itu, adalah bersalah melakukan suatu kesalahan.

(4) Tidaklah boleh sesiapa menangkap, membunuh atau ada di dalam miliknya jenis-jenis ikan yang ditentukan dalam Jadual Pertama melainkan dengan permit yang dikeluarkan dengan bayaran fee sebagaimana yang ditentukan dalam Jadual Kedua.

Permohonan lesen.

4. (1) Permohonan bagi sesuatu lesen berkenaan peralatan menangkap ikan hendaklah dibuat dalam Borang 1 Jadual Ketiga kepada Pegawai Perikanan Darat yang boleh sama ada hendak mengeluarkan lesen tersebut dalam Borang 2 Jadual atau menolak permohonan berkenaan.

(2) Sebelum mengeluarkan lesen untuk mengendalikan mana-mana belat ikan atau pukat bakul, Pegawai Perikanan Darat bolehlah terlebih dahulu membuat tinjauan untuk memuaskan hatinya bahawa belat ikan atau pukat bakul yang lesen baginya dipohon, telah dipasang mengikut kaedah-kaedah ini.

(3) Seseorang pemohon bagi mendapat lesen berkenaan dengan belat ikan apabila memohon, hendaklah mendeposit dengan Pegawai Perikanan Darat amaun yang dinyatakan dalam Jadual Keempat.

(4) Tidaklah boleh peralatan menangkap ikan digunakan pada sesuatu tempat atau dengan sesuatu cara yang boleh mengganggu pelayaran atau boleh menyebabkan hakisan.

5. Hendaklah dikenakan bayaran berkaitan dengan lesen peralatan menangkap ikan yang ditentukan dalam ruang pertama Jadual Kelima, fee-fee yang ditentukan dalam ruang kedua Jadual itu.

Fee lesen.

6. Belat ikan atau pukut bakul yang dilesenkan di bawah kaedah-kaedah ini hendaklah dikenalpasti dengan suatu nombor yang diberikan oleh Pegawai Perikanan Darat dan pemegang lesen itu hendaklah pada setiap masa mempamerkan, di suatu tempat yang mudah dilihat pada belat ikan atau pukut bakul, suatu papan nombor yang tertera dengan nombor tersebut, yang tulisannya mestilah tidak kurang daripada lapan sentimeter.

Belat ikan atau pukut bakul dikenalpasti dengan nombor.

7. Pegawai Perikanan Darat bolehlah menentukan bilangan lesen atau permit yang patut dikeluarkan dalam mana-mana satu tahun berkenaan peralatan menangkap ikan atau permit yang dikeluarkan di bawah kaedah 3 (4).

Bilangan lesen atau permit dikeluarkan.

8. Tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat sebagaimana ditentukan oleh Pegawai Perikanan Darat, tidaklah boleh sesiapa mengendalikan atau membenarkan atau menyebabkan untuk dikendalikan mana-mana belat ikan atau pukut bakul di dalam sungai pada jarak lima puluh meter di hadapan atau di belakang belat ikan atau pukut bakul yang lain yang dilesenkan di bawah kaedah-kaedah ini.

Jarak satu belat ikan atau pukut bakul dengan yang lain.

9. (1) Pegawai Perikanan Darat boleh enggan mengeluarkan atau membatalkan mana-mana lesen atau permit di bawah kaedah-kaedah ini atau boleh membatalkan, atau menggantung bagi suatu tempoh yang ia fikirkan sesuai, mana-mana lesen atau permit yang dikeluarkan di bawah kaedah-kaedah ini, jika ia berpuashati bahawa perlu untuk berbuat demikian bagi membetulkan penguurusan perikanan tertentu, atau jika adanya pelanggaran mana-mana peruntukan kepada kaedah-kaedah ini atau kepada mana-mana syarat pada lesen atau permit.

Keengganan melesen atau mengeluarkan permit atau penggantungan atau pembatalan lesen atau permit.

(2) Mana-mana orang yang terkilan dengan keengganan Pegawai Perikanan Darat mengeluar atau membatalkan mana-mana lesen atau permit di bawah kaedah-kaedah ini atau kerana penggantungan atau pembatalan mana-mana lesen atau permit yang dikeluarkan di bawah kaedah-kaedah ini bolehlah, dalam empat belas hari selepas diberitahu secara bertulis mengenai keputusan itu, membuat apil kepada Menteri Besar yang mana keputusannya adalah muktamad.

10. (1) Mana-mana lesen atau permit yang dikeluarkan di bawah kaedah-kaedah ini hendaklah, melainkan ianya digantung atau dibatal atau sebaliknya dinyatakan pada lesen atau permit tersebut, sah dalam tempoh tidak lebih daripada satu tahun dan hendaklah tamat pada 31 Disember dalam tahun ianya dikeluarkan.

Lesen atau permit tamat pada akhir tahun, dan tertakluk kepada syarat-syarat.

(2) Mana-mana lesen dikeluarkan di bawah kaedah-kaedah ini berkaitan sesuatu peralatan menangkap ikan hendaklah sah bagi jenis peralatan menangkap ikan yang tertentu sahaja dan tidaklah boleh digunakan bagi mana-mana jenis peralatan menangkap ikan yang lain.

(3) Mana-mana lesen atau permit yang dikeluarkan di bawah kaedah-kaedah ini hendaklah dikeluarkan atas nama pemohon bagi lesen atau permit tersebut dan tidaklah boleh dapat ditukarkan.

(4) Mana-mana lesen atau permit yang dikeluarkan di bawah kaedah-kaedah ini hendaklah tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Pegawai Perikanan Darat.

(5) Pegawai Perikanan Darat bolehlah mengubah terma-terma dan syarat-syarat yang ditentukan dalam lesen atau permit.

(6) Mana-mana orang yang melanggar mana-mana syarat pada lesen atau permit tersebut hendaklah disifatkan telah melakukan perbuatan bertentangan dengan peruntukan kaedah-kaedah ini.

(7) Mana-mana orang yang menggunakan mana-mana lesen atau permit atas nama orang lain di bawah kaedah-kaedah ini adalah bersalah melakukan suatu kesalahan.

11. (1) Mana-mana orang yang berhenti mengendalikan mana-mana peralatan menangkap ikan hendaklah mengalih peralatan tersebut, dan mana-mana pancang, sauh, pelampung dan lain-lain alat sampingan yang digunakan dalam pengendalian peralatan tersebut dengan serta merta atau dalam satu jangkamasa sebagaimana Pegawai Perikanan Darat boleh arah.

(2) Kegagalan mana-mana orang tersebut untuk mematuhi arahan Pegawai Perikanan Darat atau peruntukan kaedah ini, adalah menjadi suatu kesalahan.

(3) Pemunya belat ikan atau pukot bakul yang berhenti mengendalikan belat ikan atau pukot bakul hendaklah, dalam tempoh satu minggu selepas tamat lesennya, memberitahu secara bertulis kepada Pegawai Perikanan Darat.

(4) Tidaklah boleh sesiapa mengalih mana-mana belat ikan atau pukot bakul di bawah subkaedah (1) melainkan di bawah penyeliaan atau arahan Pegawai Perikanan Darat.

12. (1) Pegawai Perikanan Darat boleh mengalih atau memusnah atau menyebabkan untuk dialih atau dimusnah mana-mana peralatan menangkap ikan yang dipasang atau didirikan bertentangan dengan peruntukan kaedah-kaedah ini; dan apa-apa perbelanjaan yang dilakukan sedemikian hendaklah didapatkan balik daripada pemunya tersebut atau deposit yang telah dibayar di bawah kaedah 4(3) kaedah-kaedah ini.

(2) Tidaklah boleh sesiapa membuat tuntutan pampasan berkaitan dengan mana-mana peralatan menangkap ikan yang telah dialih atau dimusnah.

Mengalih peralatan menangkap ikan apabila berhenti dikendalikan.

Pengalihan atau pemusnahan peralatan menangkap ikan oleh Pegawai Perikanan Darat.

13. Pegawai Perikanan Darat boleh membatalkan mana-mana lesen atau permit yang berkenaan di bawah kaedah-kaedah ini tanpa bayaran pampasan apabila berlakunya pelanggaran oleh pemegang lesen atau permit mana-mana syarat atau sekatan lesen atau permit yang mana baginya tertakluk. Pembatalan lesen atau permit.
14. (1) Pegawai Perikanan Darat boleh menentukan dengan cara notis am mengenai musim tutup bagi mana-mana jenis ikan tertentu bagi tujuan pengurusan atau pemeliharaan. Musim menangkap ikan.
- (2) Mana-mana orang yang didapati menangkap, membunuh atau memiliki apa-apa jenis ikan yang ditentukan dalam subkaedah (1) pada musim tutup adalah bersalah melakukan suatu kesalahan.
15. (1) Pegawai Perikanan Darat boleh menentukan musim tutup bagi mana-mana kawasan tertentu dengan cara notis am. Kawasan-kawasan menangkap ikan.
- (2) Mana-mana orang yang didapati menangkap, membunuh atau memiliki apa-apa jenis ikan dalam kawasan tutup yang ditentukan dalam subkaedah (1) adalah bersalah melakukan suatu kesalahan.
16. (1) Pegawai Perikanan Darat boleh menentukan dengan cara notis am saiz minima bagi apa-apa jenis ikan tertentu yang boleh ditangkap. Had saiz.
- (2) Mana-mana orang yang didapati menangkap, membunuh atau memiliki apa-apa jenis ikan yang saiznya kecil daripada yang ditentukan di bawah subkaedah (1) adalah bersalah melakukan suatu kesalahan.
17. (1) Pegawai Perikanan Darat boleh meminta mana-mana orang yang terlibat dalam pekerjaan berkenaan perikanan darat memberi data, statistik dan maklumat. Statistik perikanan.
- (2) Kegagalan mematuhi, atau pembekalan data, maklumat atau statistik yang palsu adalah menjadi suatu kesalahan.
18. (1) Pegawai Perikanan Darat atau mana-mana Pegawai Polis, jika ia mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa suatu kesalahan telah dilakukan di bawah kaedah-kaedah ini, boleh tanpa waran—
- (a) memasuki dan menggeledah mana-mana tempat yang mana dia ada sebab bagi mempercayai bahawa sesuatu kesalahan di bawah kaedah-kaedah ini hampir dilakukan atau telah dilakukan;
  - (b) menyita apa-apa benda sekalipun yang dia mempunyai sebab bagi mempercayai telah ditangkap, atau telah digunakan semasa melakukan suatu kesalahan di bawah kaedah-kaedah ini; atau
  - (c) menangkap mana-mana orang yang dia mempunyai sebab bagi mempercayai telah melakukan suatu kesalahan di bawah kaedah-kaedah ini.
- (2) Dalam melaksanakan mana-mana kuasa di bawah subkaedah (1) Pegawai Perikanan Darat atau Pegawai Polis bolehlah menggunakan sebarang kekerasan yang difikirkan perlu dan munasabah.
- (3) Suatu penerimaan bertulis hendaklah diberi berkenaan mana-mana benda yang disita di bawah subkaedah (1)(b). Kuasa memasuki, menyita dan menangkap.

(4) Pegawai Perikanan Darat yang membuat tangkapan di bawah subkaedah (1)(c) hendaklah tanpa kelewatan yang tidak perlu menyerahkan orang yang ditangkap itu kepada Balai Polis; dan peruntukan-peruntukan Kanun Prosedur Jenayah hendaklah terpakai kepada orang yang ditangkap itu.

N.M.B.  
Bab 6.

Penjualan ikan atau benda lain yang mudah rosak.

19. (1) Mana-mana ikan atau benda lain yang mudah rosak yang disita di bawah kaedah-kaedah ini bolehlah, atas arahan Pegawai Perikanan Darat, dijual dan hasil jualan itu hendaklah dipegang dan dilupuskan dengan suatu perintah Majistret.

(2) Kerajaan Negeri Terengganu tidaklah bertanggungjawab kepada mana-mana orang atas apa-apa kemerosotan mutu mana-mana ikan atau lain-lain benda yang disita di bawah kaedah-kaedah ini yang disebabkan dengan apa jua cara.

Kuasa Mengkompaun.

20. (1) Pegawai Perikanan Darat boleh mengkompaun mana-mana kesalahan di bawah kaedah-kaedah ini, di mana pendakwaan tidak dijalankan, dengan memungut daripada orang yang disyaki munasabah telah melakukan kesalahan tersebut, sejumlah wang tidak melebihi lima ratus ringgit.

(2) Di mana peralatan menangkap ikan atau ikan ialah perkara kepada mana-mana kesalahan yang dikompaunkan di bawah subkaedah (1), peralatan menangkap ikan atau ikan tersebut bolehlah dilucuthakkan dan dilupuskan oleh Pegawai Perikanan Darat sebagaimana dia boleh arah.

Penalti.

21. Mana-mana orang yang melanggar atau gagal mematuhi kepada peruntukan-peruntukan kaedah-kaedah ini hendaklah dikenakan denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

JADUAL PERTAMA  
KAEDAH-KAEDAH PERIKANAN DARAT  
TERENGGANU 1988  
(Kaedah 3(4))

JENIS-JENIS IKAN YANG DILARANG

<i>Nama Tempatan</i>	<i>Nama Sains</i>
1. Kelisa	Sclerophages formosus
2. Temoleh	Probarbus jullieni

JADUAL KEDUA  
KAEDAH-KAEDAH PERIKANAN DARAT  
TERENGGANU 1988  
(Kaedah 3(4))

PERMIT BAGI IKAN YANG DILARANG

BAHAWASANYA suatu permit bagi menangkap, membunuh atau memiliki ikan ..... adalah diberi kepada ..... Nombor Kad Pengenalan ..... yang beralamat di .....

- 2. Permit ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
  - (a) .....
  - (b) .....
  - (c) .....

3. Lesen ini tamat pada 31 Disember 19.....

Fee: \$50.00 bagi seekor ikan  
(tunai/wang pos/wang kiriman)  
Nombor resit bayaran: .....

Bertarikh: .....

Nombor Permit: .....

.....  
(Pegawai Perikanan Darat  
Daerah .....) )

JADUAL KETIGA

BORANG 1

KAEDAH-KAEDAH PERIKANAN DARAT  
TERENGGANU 1988  
(Kaedah 4(1))  
PERMOHONAN BAGI LESEN MENANGKAP IKAN

Kepada—  
Pegawai Perikanan Darat,  
Daerah .....

Tuan,

Saya kemukakan di sini suatu permohonan bagi lesen menangkap ikan dan butir-butir adalah seperti berikut:

A. Butir-butir Pemohon—

1. Nama: .....
2. No. Kad Pengenalan: .....
3. Alamat: .....
4. Pekerjaan: .....
5. Tarikh lahir: .....

B. Butir-butir Peralatan Menangkap Ikan—

1. Jenis dan saiz peralatan menangkap ikan: .....
2. Kawasan hendak menggunakan peralatan menangkap ikan: .....
3. Plan kawasan, jika ada (sila kembalikan): .....
4. Nyatakan pengalaman dalam menggunakan peralatan menangkap ikan: .....

C. Butir-butir lain—

1. Nombor Pendaftaran bot/kenderaan: .....
2. Pengkalan bot dan tempat mendarat: .....

3. Bilangan orang yang ikut serta : .....

Fee: \$..... berkembar.  
(tunai/wang pos/wang kiriman)

Bertarikh: .....

(Tandatangan atau cap jari  
kanan pemohon)

BORANG 2

KAEDAH-KAEDAH PERIKANAN DARAT  
TERENGGANU 1988  
(Kaedah 4(1))

LESEN BAGI PERALATAN MENANGKAP IKAN

BAHAWASANYA suatu lesen bagi peralatan menangkap ikan  
iaitu ..... adalah diberi kepada .....

..... Nombor Kad Pengenalan .....

..... yang beralamat di .....

2. Lesen ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (a) .....
- (b) .....
- (c) .....

3. Lesen ini tamat pada 31 Disember 19.....

Nombor resit bayaran: .....

Bertarikh: .....

Nombor Lesen: .....

(Pegawai Perikanan Darat  
Daerah .....

JADUAL KEEMPAT

KAEDAH-KAEDAH PERIKANAN DARAT  
TERENGGANU 1988  
(Kaedah 4(3))

DEPOSIT

(1)	(2)
Belat ikan ... ..	\$100.00 satu kelengkapan

JADUAL KELIMA

KAEDAH-KAEDAH PERIKANAN DARAT  
TERENGGANU 1988  
(Kaedah 5)

FEE LESEN

(1)	(2)
1. Belat ikan ... ..	\$30.00 satu kelengkapan setahun
2. Pukat lengkung ... ..	\$10.00 satu kelengkapan setahun



---

3.	Pukat hanyut	...	...	\$10.00	satu kelengkapan setahun
4.	Pukat bakul	...	...	\$10.00	satu kelengkapan setahun
5.	Pukat rentang	...	...	\$10.00	satu kelengkapan setahun
6.	Lain-lan peralatan menangkap ikan	...	...	\$10.00	satu kelengkapan setahun

---

Bertarikh 21 November 1988.

[SUK. TR. 1/66/Bhg. 7; PUN. TR. 15/46.]

WAN ISA BIN LONG  
*Setiausaha,*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan,*  
*Tamparuli*